

33,000 hektar tanah rizab orang Asli diwarta

BH · 10/6/2016 ms. 21

Putrajaya: Sebanyak 33,000 hektar dari-pada sejumlah 135,000 hektar tanah rizab masyarakat Orang Asli sudah diwartakan mengikut Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara 1965 setakat ini, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, jumlah itu membabitkan tanah rizab di sembilan negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan manakala pewartaan selebihnya akan disege-rakan oleh kerajaan negeri selepas proses pengukuran tanah rizab oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) selesai tahun ini.

“Kita juga mahu pembangunan di ka-wasan masyarakat Orang Asli dilihat secara teliti terutama yang berhampiran dengan penempatan mereka kerana walaupun da-lam pelan nampak kosong, tapi sebenarnya sudah dibangunkan dengan aktiviti per-ladangan atau pertanian,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di sini, semalam.